



## Efikasi sendiri, Kemahiran Employabiliti dan Pemilihan Kerjaya dalam Kalangan Pelajar Kolej Vokasional

Normah Zakaria<sup>1\*</sup>, Siti Nur Kamariah Rubani<sup>1</sup>, Arihasnida Ariffin<sup>2</sup>,  
Norhasyimah Hamzah<sup>3</sup> & Nurul Sakinah Nordin<sup>4</sup>

<sup>1,2,3,4</sup> Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, 86400, Johor, MALAYSIA

\*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/ojtp.2020.05.02.009>

Received 10 May 2020; Accepted 14 August 2020; Available online 30 September 2020

**Abstrak:** Kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap efikasi sendiri, kemahiran employabiliti pelajar kolej vokasional dalam mempengaruhi pemilihan kerjaya mereka. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk tinjauan yang melibatkan 106 orang pelajar tahun tiga di kolej vokasional. Soal selidik digunakan sebagai instrumen untuk mengumpul data. Dapatan kajian mendapati efikasi sendiri pelajar adalah tinggi manakala kemahiran employabiliti pula pada kadar sederhana. Statistik inferensi dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara efikasi sendiri dan kemahiran employabiliti dengan pemilihan kerjaya pelajar. Hasil analisis mencatatkan efikasi sendiri dan kemahiran employabiliti terdapat hubungan yang positif dan kuat antara efikasi sendiri dan kemahiran employabiliti dengan pemilihan kerjaya pelajar. Kesimpulannya, tahap efikasi sendiri pelajar kolej vokasional adalah tinggi dan ini wajar dikekalkan manakala kemahiran employabiliti mereka pula perlu ditingkatkan dengan penerapan yang lebih berkesan dan membuktikan bahawa efikasi sendiri dan kemahiran employabiliti pelajar mempengaruhi mereka untuk lebih cenderung memilih kerjaya dalam bidang yang sama dengan kursus yang sedang diikuti.

**Kata Kunci:** Efikasi sendiri, kemahiran employabiliti, pemilihan kerjaya

**Abstract:** This study is conducted to review the level of self-efficiency, employability skills of vocational college students in their career selection. This study is quantitative in the form of a survey involving 106 students of three years in a vocational college. Questionnaires are used as instruments for collecting data. The results of the study found that the students' self-assessment was high while Employability's skills were modest. Inferential statistics are conducted to identify the relationship between self-efficiency and employability skills with student career selection. The analysis of the analytical and employability skills has a positive and strong relationship between the self-efficiency and employability skills with student career selection. In conclusion, the students' self-competence level is high and this should be maintained while their employability skills need to be enhanced with more effective applicability and prove that students' self-ability and employability skills have influenced them to be more likely to choose a career in the same field as the courses are being followed.

**Keywords :** self efficiency, employability skills, career selection

### 1. Pengenalan

Rancangan Malaysia Kesepuluh. (RMK-10) iaitu dari tahun 2011 hingga 2015 mencatatkan, guna tenaga di Malaysia dijangka akan berkembang 2.4% setahun kepada 3.2 juta pekerja, iaitu peningkatan sebanyak 1.4 juta peluang

pekerjaan, terutama dalam sektor perkhidmatan. Jumlah ini sedikit rendah berbanding 1.5 juta pekerjaan yang diwujudkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11). Lantaran itu, dalam tempoh RMK-10 ini ekonomi dijangka akan kekal dalam guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran dianggarkan 3.1% pada 2015 iaitu berkurang daripada tahun sebelumnya sebanyak 3.3%. Ini membuktikan bahawa peluang pekerjaan di negara ini amat tinggi bagi graduan. Namun, masalah pengangguran dalam kalangan graduan masih menjadi masalah utama di negara ini. Menurut McIntosh (2008), Beckton (2009), dan Rusmin (2010), sikap graduan yang memilih pekerjaan, kurang yakin dengan kebolehan diri, kekurangan nilai etika dan moral, kemahiran menggunakan teknologi, kemahiran insaniah dan kebolehan menyesuaikan diri di tempat kerja menjadi punca peningkatan pengangguran walaupun peluang pekerjaan yang disediakan sebenarnya adalah sangat banyak. Perangkaan Utama Tenaga Buruh Malaysia menyatakan bahawa sehingga Disember 2019, jumlah pengangguran di Malaysia adalah seramai 524.8 ribu orang iaitu meningkat sebanyak 0.7 peratus berbanding tahun sebelumnya (JPM, 2019). Menurut KPTM pada tahun 2018, antara kelemahan graduan termasuklah tidak berkeyakinan untuk mencuba perkara baru dan tidak memiliki kemahiran employability yang diharapkan.

Masalah pengangguran ini turut dipengaruhi beberapa faktor lain, antaranya ialah tahap keyakinan atau efikasi diri graduan tidak dapat meyakinkan bakal majikan untuk mengambil mereka bekerja (KPTM, 2012). Ini dapat menghasilkan prestasi yang kurang baik dalam melaksanakan kerja yang diberikan. Selain itu, kemahiran employability juga merupakan aspek penting dalam memastikan seseorang graduan itu layak untuk diambil bekerja. Kajian oleh Artess, Hooley & Mellors (2017), menyatakan lulusan teknikal kebanyakannya bergantung semata-mata kepada kelayakan akademik mereka untuk memperoleh pekerjaan, mereka kurang kompetensi kemahiran *non-technical* atau lebih dikenali sebagai kemahiran Employability. Ini merupakan masalah utama majikan tidak mengambil lulusan teknikal untuk bekerja dengan mereka.

Aspek pemilihan kerjaya yang tepat adalah amat penting kerana menurut Amla (2011) kerjaya adalah pengalaman bekerja yang mempengaruhi gaya hidup dan kesejahteraan diri. Oleh itu, pemilihan kerjaya merupakan suatu perancangan yang penting dalam kehidupan seseorang pelajar. Ia haruslah seiring dengan kursus yang diambil oleh pelajar semasa dalam pengajian bagi membolehkan mereka kompeten dalam menyelesaikan tugas yang diberi semasa bekerja kelak. Kajian oleh *Career Services, Rutgers University* (2007), sekiranya pemilihan kerjaya tidak diambil serius, individu tersebut mungkin akan terperangkap dalam kerjaya yang tidak diminati menjadikan kerjaya tersebut kurang bermakna. Namun lulusan tempatan dinasihatkan untuk tidak terlalu memilih pekerjaan selepas mereka tamat pengajian kerana kerjaya yang cemerlang turut boleh dibina bermula dari bawah (Rasul et al., 2009). Menurut Ahmad Shaharuddin et al., (2010) untuk memperolehi kerjaya yang diidamkan, pelajar perlu mempunyai kebolehan akademik, kemahiran teknikal dan kemahiran employability. Seperti mana dalam RMK-11 yang menekankan gabungan kemahiran insaniah dan kecekapan tenaga kerja dalam aspek pembangunan modal insan yang mana akan menyediakan tenaga kerja yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21. (Rancangan Malaysia Ke-11, 2019). Oleh itu, lulusan KV perlu bersiap sedia melengkapkan diri mereka dengan kemahiran-kemahiran ini dan membentuk efikasi sendiri yang tinggi untuk mencebur alam pekerjaan kelak (Kamro, 2012). Bersandarkan kepada masalah-masalah yang dikemukakan tersebut, jelas menunjukkan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan berfokuskan pelajar-pelajar dari universiti dan juga graduan teknikal dan vokasional yang telah bekerja dalam sektor tertentu, namun masih belum ada kajian yang dijalankan terhadap pelajar kolej vokasional. Oleh itu, pengkaji menjalankan kajian ini untuk mengenal pasti sama ada masalah yang sama timbul dalam kalangan pelajar kolej vokasional ini. Pengkaji ingin mengetahui tahap efikasi sendiri dan kemahiran employability mereka pula berbanding dengan graduan teknikal yang lain.

## 1.1 Efikasi Kendiri

Betz & Hackett (1986) melalui hasil kajian mereka berpendapat kecenderungan memilih kerjaya adalah dipengaruhi oleh tahap efikasi sendiri individu. Efikasi sendiri yang tinggi lebih cenderung untuk memilih kerjaya yang bersesuaian dengan mereka, namun bagi individu yang mempunyai efikasi sendiri yang rendah mereka didapati tidak dapat membuat pilihan kerjaya yang tepat dan minat kerjaya mereka juga adalah terhad. Lent *et al.*, (1996) menjalankan kajian ke atas 28 orang pelajar lelaki dan 14 pelajar perempuan mengenai hubungan antara efikasi sendiri dan ketekunan pelajar untuk menamatkan pengajian dalam bidang sains dan kejuruteraan. Keputusan menunjukkan jangkaan efikasi sendiri yang tinggi akan menyebabkan mereka kekal untuk menamatkan pengajian dalam kejuruteraan berbanding mereka yang mempunyai efikasi sendiri yang rendah. Hasil kajian Hashim Fauzy dan Ishak (2007) pula menunjukkan majoriti pelajar IPTA mempunyai tahap efikasi akademik iaitu kemahiran berfikir yang tinggi. Mereka yakin dapat melakukan walaupun sukar, dapat melakukan jika tidak mengalah, boleh mempelajari walaupun susah, dapat merancang walaupun sukar dan dapat memahami jika berusaha lebih kuat yang mana menunjukkan keyakinan kebolehan diri yang tinggi. Lebih 92% pelajar menganggap mereka mempunyai efikasi sendiri yang tinggi, hanya 4.3% pada tahap sederhana dan 1.2% pada tahap yang rendah. Kajian ini telah membuktikan efikasi sendiri bukan dinilai dari kemahiran seseorang tetapi keyakinan mereka dalam melaksanakan sesuatu perkara.

## 1.2 Kemahiran Employability

Kajian oleh Chung & Yet (2009) mengenalpasti kebolehan pelajar untuk memenuhi kehendak majikan dan menganalisis keberkesanan kualiti personal dan kemahiran employability di universiti swasta di Malaysia. Kajian

mereka melibatkan 30 orang majikan dan 600 orang pelajar dari universiti swasta di seluruh Malaysia responden diberikan soal selidik berkenaan kepentingan kemahiran employability, ujian T digunakan untuk melihat persepsi responden. Dapatan kajian menunjukkan pelajar berkemampuan dalam kualiti personal, namun persepsi majikan terhadap kemahiran seperti pemikiran kritikal, merancang, menyelesaikan masalah, komunikasi dan membuat keputusan bercanggah dengan persepsi pelajar. Ini membuktikan bahawa penerapan kemahiran employability ini tidak sempurna dan tindakan wajar perlu diambil untuk menyelesaikan hal ini.

Selain itu, kajian lain telah dijalankan oleh Ng (2009) berkenaan maklum balas majikan terhadap kemahiran employability graduan universiti tempatan. Dapatan kajian menunjukkan tahap kemahiran employability yang dimiliki oleh graduan berada di tahap sederhana dan majikan dilihat kurang berpuas hati dengan tahap tersebut. Walau bagaimanapun, kajian oleh Rasul (2010) yang dijalankan untuk mengenal pasti kemahiran employability yang dimiliki oleh graduan teknikal menunjukkan hasil yang berbeza. Kajiannya melibatkan 327 orang graduan politeknik dan 107 orang majikan. Dapatan dari kajian menunjukkan kemahiran asas, berfikir, menggunakan sumber, teknologi dan interpersonal berada pada tahap yang tinggi. Manakala kemahiran berfikir secara kreatif, membuat keputusan, menyelesaikan masalah dan kepimpinan berada pada tahap sederhana.

Kesemua kajian yang dijalankan berfokus kepada pelajar universiti dan graduan teknikal daripada IPTA, namun kajian yang mengukur efikasi sendiri dan kemahiran employability pelajar kolej vokasional masih belum ada dijalankan. Oleh itu, pengkaji berpendapat kajian ini amat wajar dijalankan untuk mengetahui efikasi sendiri dan kemahiran employability yang dimiliki oleh pelajar di kolej vokasional.

## 2. Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk tinjauan. Dapatan daripada sampel kajian pula akan digeneralisasikan kepada populasi. Pemilihan reka bentuk tinjauan adalah bersesuaian dengan fokus utama kajian ini memandangkan kajian-kajian berkaitan kemahiran employability ini kerap dijalankan terhadap pelajar aliran teknikal dan vokasional seperti kajian Yahya (2004), Ivan (2007) dan Rohana (2010).

### 2.1 Populasi dan sampel

Populasi bagi kajian ini adalah pelajar tahun tiga bagi kursus teknologi pembinaan, teknologi elektronik dan teknologi kimpalan di Kolej Vokasional Batu Pahat dan Muar. Terdapat 90 calon pelajar tahun 3 bagi tiga kursus tersebut di Kolej Vokasional Batu Pahat dan 60 calon pelajar di Kolej Vokasional Muar. Ini adalah kerana kajian ini dijalankan pada zon selatan sahaja maka dua KV dipilih kerana dua KV ini ada mempunyai tiga kursus yang diperlukan dalam kajian ini. Ini menjadikan jumlah populasi bagi kajian ini adalah 150 orang pelajar. Penentuan saiz sampel untuk kajian ini berdasarkan kepada pengiraan yang dicadangkan oleh Barlett, Kotrlik & Higgins (2001) yang menggunakan formula Cochran (1977). Berdasarkan pengiraan saiz sampel, jumlah pelajar yang diperlukan sebagai sampel kajian ini adalah seramai 107 orang.

### 2.2 Instrumen kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah satu set borang soal selidik yang mengandungi empat bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Bahagian A merupakan soal selidik demografi, bahagian B soal selidik efikasi sendiri CDSE-SF yang diambil daripada Betz & Taylor (2006), bahagian C pula soal selidik kemahiran Employability yang diambil daripada SCANS (2001) dan bahagian D merupakan soalan pemilihan kerjaya. Instrumen kajian dinilai keupayaannya terlebih dahulu sama ada dapat mengukur pemboleh ubah kajian dengan tepat atau tidak. Justeru, soal selidik yang digunakan disemak oleh pakar penilai yang terdiri daripada pensyarah di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Kajian rintis pula dijalankan untuk mengetahui tahap kebolehpercayaan instrumen dan nilai *alpha cronbach* yang diperoleh adalah .763 dan .831 bagi instrumen efikasi sendiri dan kemahiran Employability masing-masing. Nilai tersebut membuktikan instrumen dalam kajian ini boleh dipercayai.

### 2.3 Analisis data

Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Dalam kajian ini, analisis deskriptif digunakan untuk menghuraikan maklumat seperti jantina, kursus, pilihan kursus yang diikuti dan cita-cita responden. Tafsiran skala min juga digunakan untuk melihat tahap efikasi sendiri, tahap kemahiran employability yang dimiliki oleh pelajar kolej vokasional dan pemilihan kerjaya pelajar. Manakala, Statistik inferensi yang terlibat dalam kajian ini adalah Estimate Time Of Arrival (ETA). Ujian Eta digunakan untuk mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah yang berbeza tahap iaitu nominal dan interval. Ia digunakan untuk mengenal pasti hubungan antara efikasi dan kemahiran employability dengan pemilihan kerjaya pelajar.

## 3. Dapatan Kajian

Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah 106 orang yang terdiri daripada 77 orang pelajar lelaki dan 29 orang pelajar perempuan. Terdapat perbezaan yang ketara antara dua jantina tersebut dan ini menunjukkan kursus teknologi kejuruteraan didominasi oleh pelajar lelaki. Selain itu, maklumat demografi lain yang diperolehi adalah pemilihan kursus oleh pelajar, menurut analisis seramai 86 orang responden sedang mengikuti kursus yang mereka pilih semasa memohon kemasukan ke kolej vokasional manakala, seramai 20 orang yang lain mendapat kursus lain yang telah ditetapkan oleh kolej vokasional. Berdasarkan soal selidik juga, pengkaji dapat mengetahui bahawa seramai 96 orang responden kini sedang mengikuti kursus yang bersesuaian dengan cita-cita mereka. Hanya 15 orang pelajar yang merasakan kursus yang sedang diikuti tidak menjurus kepada cita-cita yang mereka idamkan.

Berdasarkan hasil dapatan, purata keseluruhan skor min bagi efikasi sendiri pelajar adalah tinggi iaitu 3.75 (SP: .703) ini menunjukkan bahawa pelajar kolej vokasional berkeyakinan dalam memilih kerjaya yang tepat untuk mereka ceburi pada masa akan datang. Bagi kemahiran Employability pelajar kolej vokasional pula, dapatan kajian mendapati kemahiran Employability mereka secara keseluruhannya adalah sederhana dengan catatan skor min 3.83 (SP: .676). Hasil analisis juga menunjukkan kemahiran asas dan interpersonal mencatat skor min tinggi iaitu 4.05 dan 4.01 masing-masing. Manakala, kemahiran informasi mereka merupakan kemahiran yang paling lemah dengan skor min 3.71. Hasil analisis bagi pemilihan kerjaya pula menunjukkan seramai 85.8% responden membuat keputusan untuk memilih kerjaya dalam bidang yang sama dengan kursus yang sedang diikuti. Manakala, seramai 14.2% lagi menyatakan sebaliknya.

Bagi mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah tersebut, statistik inferensi Eta telah digunakan. Bacaan nilai eta bagi hubungan efikasi sendiri dengan pemilihan kerjaya adalah .620 iaitu menunjukkan hubungan yang positif dan kuat. Ini membuktikan bahawa efikasi sendiri pelajar mempengaruhi pemilihan kerjaya mereka. Hubungan antara kemahiran employability dengan pemilihan kerjaya pula mencatatkan nilai eta .742 yang mana turut menunjukkan hubungan yang positif dan kuat. Aspek kemahiran employability yang dimiliki juga turut mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar.

#### 4. Perbincangan

Berdasarkan analisis yang dijalankan, hasil dapatan kajian menunjukkan pelajar kolej vokasional mempunyai efikasi sendiri pemilihan kerjaya yang tinggi. Ini bertepatan dengan kajian Fauzy dan Ishak (2007) yang turut mendapati majoriti pelajar IPTA mempunyai efikasi sendiri pemilihan kerjaya yang tinggi. Hal ini menunjukkan pelajar kolej vokasional percaya dan berkeyakinan dalam memilih kerjaya yang tepat untuk masa depan mereka walaupun mereka masih di usia yang sangat muda. Pendedahan tentang kerjaya oleh pihak kolej vokasional amat membantu pelajar dalam memahami selok-belok kerjaya yang akan mereka ceburi dan membuatkan mereka lebih yakin untuk memilih kerjaya yang tepat dengan bidang pengajian mereka. Betz (2004) menyatakan individu yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi akan sentiasa mencari maklumat tentang kerjaya dan membuat pilihan yang terbaik. Mereka akan sentiasa berusaha untuk mendapat pencapaian yang tinggi dalam semua perkara yang dilakukan.

Bagi kemahiran employability pula, hasil analisis mendapati kemahiran employability pelajar kolej vokasional masih di tahap sederhana. Selari dengan kajian Ng (2009) yang mana telah mengkaji maklum balas majikan terhadap kemahiran employability yang dimiliki oleh graduan teknikal yang diambil bekerja. Hasil dari kajian Ng tersebut menunjukkan kemahiran employability yang dimiliki oleh graduan teknikal secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana dan majikan kurang berpuas hati dengan tahap tersebut. Namun begitu, sekiranya analisis dilakukan terhadap kemahiran employability secara berasingan, didapati penguasaan kemahiran asas dan kemahiran interpersonal berada pada tahap tinggi. Kajian Rasul (2010) turut membuktikan bahawa kemahiran asas dan kemahiran interpersonal yang dimiliki oleh graduan teknikal adalah tinggi berbanding kemahiran lain. Walau bagaimanapun, kemahiran employability pelajar kolej vokasional tetap perlu dipertingkatkan melalui kelas-kelas kemahiran insaniah dan program-program yang membantu membentuk keperibadian pelajar dalam menghadapi situasi pekerjaan. Chung dan Yet (2009) turut berpendapat bahawa kemahiran employability yang dimiliki graduan teknikal masih banyak perlu ditambah baik untuk memenuhi kehendak industri dan membolehkan graduan akan dapat bekerja dengan baik kelak.

Seterusnya, hasil dapatan bagi mengenal pasti hubungan antara efikasi sendiri dan kemahiran employability dengan pemilihan kerjaya pelajar menunjukkan hubungan yang positif dan kuat bagi kedua-dua pemboleh ubah. Menyatakan walaupun efikasi sendiri tiada kaitan secara langsung dengan kemahiran yang dimiliki namun ia berkaitan dengan pertimbangan seseorang mengenai perkara yang boleh dilakukannya. Ini menjelaskan efikasi sendiri yang dimiliki oleh pelajar memberikan kesan terhadap pertimbangan mereka untuk membuat keputusan kerjaya yang tepat. Oleh itu, pelajar yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi cenderung untuk memilih kerjaya yang mereka yakin mereka boleh lakukan iaitu kerjaya dalam bidang yang sama dengan kursus pengajian mereka. Kemahiran employability juga menunjukkan hubungan yang kuat dan positif yang mana memberi maksud bahawa kemahiran employability yang dimiliki pelajar mempengaruhi pemilihan kerjaya mereka. Rasul (2010) menyatakan bahawa pelajar yang mempunyai kemahiran employability yang tinggi seperti menyelesaikan masalah, boleh bekerja dengan orang lain, berfikiran kreatif dan bertanggungjawab lebih yakin dalam memilih kerjaya mereka. Ini kerana mereka percaya kemahiran yang telah dikuasai akan membantu mereka dalam menyelesaikan pekerjaan mereka kelak berbanding pelajar yang kurang menguasai kemahiran, mereka jadi ragu-ragu untuk memasuki alam pekerjaan kerana khawatir tidak dapat melakukan pekerjaan yang diberikan nanti.

## 5. Kesimpulan

Kesimpulannya, efikasi sendiri pelajar kolej vokasional adalah tinggi dan akan melahirkan graduan teknikal yang berkeyakinan dalam melakukan kerja yang diberikan. Walau bagaimanapun, kemahiran employability yang mereka miliki mempunyai sedikit kekurangan dan perlu diperbaiki. Menjadi peranan kolej vokasional untuk memastikan graduan mereka menguasai kemahiran-kemahiran employability yang sepatutnya. Dengan penguasaan kemahiran employability yang baik, graduan kolej vokasional akan jauh lebih baik berbanding graduan teknikal yang lain. Mereka sememangnya telah dibekalkan dengan kemahiran teknikal yang baik melalui kurikulum yang sedia ada, oleh itu penguasaan kemahiran employability yang tinggi akan menjadikan mereka graduan yang amat diperlukan oleh majikan. Selain itu, kajian ini turut membuktikan terdapat hubungan yang kuat antara efikasi sendiri dan kemahiran employability dengan pemilihan kerjaya pelajar. Oleh itu, pengkaji membuat kesimpulan, pelajar yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi akan memilih kerjaya dalam bidang yang sama dengan pengajian mereka kerana mereka yakin dapat melakukan kerja dalam bidang yang mereka tahu. Pengkaji juga menyimpulkan, penguasaan kemahiran employability yang baik akan membantu pelajar untuk memilih kerjaya dengan tepat kerana mereka tiada masalah untuk sentiasa berusaha menyesuaikan diri dengan persekitaran pekerjaan yang baru dan mereka yakin dapat menerapkan kemahiran yang dimiliki dalam kerjaya tersebut.

## 6. Penghargaan

Kajian ini sebahagiannya disokong oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor. Sekalung ucapan terima kasih kepada rakan-rakan yang memberikan pandangan dan kepakaran yang sangat membantu dalam penyelidikan.

## Rujukan

Abtholuddin, F. (2013). Hubungan antara efikasi sendiri dan kemahiran belajar dalam kalangan pelajar kejuruteraan (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia)

Ahmad, S. , Mohd, I. N., Ismail, K. & Selamat, J. (2010). Generic competency profile among students in institute of higher learning: A case of Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia. *College Student Journal*, 44(3): 811-820

Amla Mohd Salleh. (2010). Pendidikan Kerjaya dan Pembangunan Modal Insan. Bangi

Artess, J., T. Hooley, & R. Mellors-Bourne. (2017). *Employability: A Review of the Literature 2012 to 2016*. York. The Higher Education Academy

Bartlett, J., Kortlik, J., & Higgins, C. (2001). Organizational Research: Detemining appropriate Sample Size in Survey Research Appropriate Sample Size in Survey Research. *Information Technology, Learning and Performance Journal*, 19(1), 43

Betz & Taylor (2006). *Manual for the Career Decision Self Efficacy Scale and the CDSE-Short Form*. The Ohio State University Columbus OH

Beckton, J. (2009). "Educational Development Units: The Challenge of Quality Enhancement in a Changing Environment" dalam L. Bell, H. Stevenson & M. Neary [eds]. *The Future of Higher Education*. New York: Continuum International Publishing Group, ms.57-68

Blog Rasmi Kementerian Pengajian Tinggi. Punca Graduan Sukar Dapat Kerja. Dicapai pada Mac 29, 2015 dari <http://blog.mohe.gov.my/2012/11/punca-graduan-sukar-dapat-kerja.html>

Career Services, Rutgers University (2007). *Make a Decision*. Di capai May 17, 2015 dari <http://careerservices.rutgers.edu/OCAmakedecision>

Chung, W. K., & Yet, L. M. (2009). Perception differential between employers and undergraduates on the importance of employability skills. *International education studies*, 2(1), p95

Hashim Fauzy, Y., & Ishak, M. S. (2007). Efikasi diri dan pencapaian akademik: kajian kes ke atas pelajar institusi pengajian tinggi awam. Skudai: UTM

Ivan, H. (2007). *Perlaksanaan pendidikan dan latihan teknik-vokasional di German Malaysian JPM [Jabatan Perangkaan Malaysia]*. (2013). "Perangkaan Utama Tenaga Buruh Malaysia, Disember 2012: Siri 18 Bil.02/2012". Tersedia [online] pula dalam

[http://www.statistics.gov.my/portal/images/stories/files/LatestReleases/employment/LabourForceIndicator\\_Malaysia\\_Dec\\_2012BM.pdf](http://www.statistics.gov.my/portal/images/stories/files/LatestReleases/employment/LabourForceIndicator_Malaysia_Dec_2012BM.pdf) [dilayari di Batu Pahat, Johor, Malaysia: 12hb Julai 2015]

Kamro, M. (2012). Kesediaan menceburi kerjaya kejuruteraan binaan dalam kalangan pelajar jurusan binaan bangunan di Sekolah Menengah Vokasional (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia)

Lent, R. W., Brown, S. D., & Larkin, K. C. (1986). Self-efficacy in the prediction of academic performance and perceived career options. *Journal of Counseling Psychology*, 33, 265-269

McIntosh, S. (2008). *Education and Employment in OECD Countries*. Paris, Perancis: UNESCO [United Nations.

Ng, P. Y., Abdullah, S. K., Tiew, P. H., & Nee, N. H. (2009). Employers' Feedback on Business Graduates: An Exploratory Study In Curtin Sarawak. *International Review of Business Research Papers*. 5(4): 306–321

Rasul, M. S., Ismail, M. Y., Ismail, N., Rajuddin, M. R., & Rauf, R. A. A. (2009). Peranan Institusi Pendidikan Teknikal Dalam Pemupukan Kemahiran 'Employability' Pelajar. *Sains Humanika*, 50(1)

Rasul, M.S. (2010). Kajian tahap kemahiran kebolehdapatan kerja lulusan program diploma kejuruteraan mekanikal Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Tesis PhD.tidak diterbitkan: Universiti Putra Malaysia

Rohana, A. R. (2010). Minat kerjaya, efikasi sendiri keputusan kerjaya, kemahiran employability

Rusmin, R. (2010). "Graduan 'Ulat Buku' Tak ke Mana: Tiga Kelemahan Nyata Siswa ialah Kurang Kemahiran Berkomunikasi, Tidak Pandai Bawa Diri, dan Pemikiran Kurang Kritikal" dalam akhbar Harian Metro. Kuala Lumpur, Malaysia: 6hb Disember, ms.v4 dan v7. sample size in survey research. *Information Technology and Performance Journal*, vol 19

Yahya, B. (2004). Integrasi Kemahiran "Employability" Dalam Program Pendidikan Vokasional